

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang 1988/89

Jun 1989

FFP 361 Farmasi Forensik

Masa: (3 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab SEMUA soalan.  
=====

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Terangkan fungsi dan tanggungjawab:

- (a) Pendaftar
- (b) Setiausaha

Lembaga Farmasi.

(16 markah)

2. (a) Apa yang anda faham dengan istilah "Pengedaran" (Trafficking) di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952?

(b) Siapakah yang diberi kuasa untuk merampas Dadah Merbahaya?

(c) Bagaimana anda boleh mengalihkan (divert) 5 kg Serbuk Kodeina Fosfat (Codeine Phosphate Powder) ke pengilang di Singapura.

(17 markah)

3. (a) Apa yang anda faham dengan istilah "pengawasan peribadi secara langsung" (immediate personal supervision) dan "ubat berbancuh" (dispensed medicine) berhubung dengan pembekalan racun Kumpulan B, C, D dan E.

(b) Dengan merujuk kepada Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, apakah nasihat yang anda akan berikan kepada seseorang yang ingin mengimport dan menjual tablet parasetamol dari satu negara asing?

(17 markah)

4. Kelaskan hasil-hasil berikut mengikut Akta Dadah Merbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 yang mana berkenaan. (Kelaskan mengikut kedua-dua perundangan jika kedua-duanya berkaitan).
- (a) Suatu campuran analgesik mengandungi 160 mg dekstropoksifen (dextropropoxyphene) tiap 5 ml. (Dos: 5 ml).
  - (b) Suatu campuran analgesik mengandungi 60 mg dekstropoksifen dengan 0.1 mg deksametason (dexamethasone) tiap 5 ml. (Dos: 5 ml).
  - (c) Satu tablet analgesik seberat 500 mg mengandungi 120 mg Kodein setiap tablet.
  - (d) Satu tablet analgesik 550 mg mengandungi 500 mg Salisilamida (Salicylamide).
  - (e) Satu tablet selsema 550 mg mengandungi 10 mg dihidrokodeina, 4 mg prometazina hidroklorida (promethazine hydrochloride) dan 320 mg aspirin.
  - (f) Satu kapsul mengandungi 250 mg griseofulvin.
  - (g) Satu tiub 25 gm salap kulit mengandungi 10 mg betametason.
  - (h) Satu botol 10 ml ubat titis mata mengandungi 600 mg asid borik.
  - (i) Suatu makanan tambahan haiwan yang mengandungi 50 mg metiltestosteron (methyltestosterone) setiap gram.

(16 markah)

5. Apa dia perihal dagangan (trade description)?  
Pada pendapat anda apa dia perihal dagangan palsu (false trade description)? Apa yang anda faham dengan "passing off"? Apakah pertimbangan (recourse) untuk seseorang yang tanda dagangan berdaftaranya telah "passed off"?

(17 markah)

6. (a) Apa yang anda faham dengan istilah "artikel" di bawah Seksyen 4B Akta Ubat (Pengiklanan dan Jualan) 1956?
- (b) Adakah anda perlu mencatatkan (disclose) semua ramuan di atas label sesuatu ubat untuk dijual secara runcit? Huraikan.
- (c) Terangkan kawalan ke atas iklan berikut:

TABLET XETASOM

Ubat paling baik terdapat di bandar!  
Berkesan untuk semua jenis Rasa Sakit (Pain),  
Boleh menurunkan tekanan darah jika anda  
mengidap darah tinggi,  
Boleh membantu anda tidur.

Boleh diperolehi di

GREAT PHARMACY  
No. 1, Healthy Lane,,  
Ipoh.

Ahli Farmasi Mr. Tan sedia berada di situ  
untuk memberikan khidmat nasihat profesionalnya  
tentang penyakit dan rawatan.

(17 markah)